

Harga simen, besi lebih tinggi tempoh setahun

Indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 2.8 hingga 18.9 peratus bagi semua kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada Disember 2023 berbanding setahun sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit simen dicatatkan bagi Terengganu dan Kelantan (18.9 peratus), diikuti Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (17.4 peratus).

Beliau berkata, indeks harga

seunit besi pula mencatatkan peningkatan antara 0.5 hingga 4.6 peratus bagi Disember 2023 berbanding bulan sama tahun lalu.

“Namun, terdapat penurunan indeks harga besi dicatatkan di Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (-2.4 peratus), Tawau (-3.1 peratus) dan Miri (-3.0 peratus),” katanya dalam satu kenyataan Indeks Kos Bahan Binaan Disember 2023 yang diterbitkan DOSM, semalam.

Mohd Uzir turut menyatakan perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih mencatatkan tiada peruba-

han dalam indeks harga seunit bagi bahan binaan utama seperti batu baur, pasir dan papan lapis bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, indeks harga seunit keratan keluli dan logam juga kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan seluruh negara.

“Terdapat sedikit penurunan dalam indeks harga bahan ini bagi kawasan Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (-0.1 peratus), Kota Kinabalu (-0.2 peratus) dan Miri (-2.0 peratus).

“Peningkatan kecil dalam indeks harga bahan ini di Perak dan Kuching iaitu masing-masing 0.1 peratus,” katanya.

Beliau menambah, perbandingan bulanan pada Disember 2023 turut mencatatkan indeks seunit harga simen kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Katanya, terdapat sedikit peningkatan dalam indeks harga bahan bagi beberapa kawasan iaitu di Johor (1.6 peratus), diikuti Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan iaitu ma-

sing-masing 0.6 peratus.

Purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,629.77 bagi setiap tan dengan peningkatan kecil iaitu 0.2 peratus berbanding RM3,621.24 pada bulan sebelumnya.

Purata harga simen (Ordinary Portland) juga mencatatkan peningkatan kecil iaitu 0.2 peratus dengan purata harga RM23 bagi setiap 50 kilogram sekarung berbanding RM22.94 bagi setiap 50 kilogram sekarung pada November 2023.